**Norhardi Bin Saad**

**From:** Jabatan Komunikasi Korporat
**Sent:** Wednesday, 15 May, 2024 12:25 PM
**To:** UUM - All Staff; UUM - All Students
**Subject:** MPP STHEM KOMITED MEMBANTU MENERUSI CARING COMMUNITY

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

Your Reliab
DIGITAL INFORMAT

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT M

15 MEI 2024 / 6 ZULKAEDAH 1445H
==========

Oleh: Siti Rozana Zulkarnain Aw
Gambar oleh: MPP STHEM

**MPP STHEM KOMITED MEMBANTU MENERUSI CARING COMMUNITY**




**UUM ONLINE:** Majlis Perwakilan Pelajar, Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti dan Acara (MPP STHEM) melalui inisiatif *Caring Community* STHEM telah berkomitmen untuk menyediakan bantuan yang diperlukan bagi pelajar yang memerlukan.

Ahli MPP STHEM, Siti Rozana Zulkarnain berkata, program ini bertujuan untuk mengurangkan beban kewangan dan meningkatkan kesejahteraan dalam kalangan pelajar, serta memupuk semangat kesedaran social dan menawarkan bantuan makanan kepada pelajar yang menghadapi masalah kewangan.

Menurutnya, menyedari bahawa kekurangan makanan boleh menjejaskan prestasi akademik dan kesejahteraan, MPP STHEM menyediakan pelbagai barangan kering seperti keperluan roti, biskut dan air kotak.

Katanya, inisiatif ini bukan sahaja bertujuan untuk meringankan beban kewangan, tetapi juga untuk memastikan bahawa tiada pelajar yang berlapar dan dapat menumpukan perhatian sepenuhnya kepada pelajaran mereka.




“Selain Foodbank, Padbank juga menjadi komponen penting dalam inisiatif ini di mana Padbank menyediakan produk kebersihan wanita seperti tuala wanita kepada pelajar wanita yang memerlukan. Kami sedar bahawa produk kebersihan wanita adalah keperluan asas yang kadang kala diabaikan, terutama bagi mereka yang mengalami kesukaran kewangan.

“Dengan adanya Padbank, kami berharap dapat mengurangkan rasa malu dan tekanan yang mungkin dihadapi oleh pelajar berkenaan, sekali gus memastikan mereka dapat meneruskan aktiviti harian dengan selesa dan yakin,” katanya.

Inisiatif *Caring Community* STHEM ini juga mendorong penyertaan aktif daripada seluruh warga kampus dengan menggalakkan pelajar yang berkemampuan untuk menyumbang kepada program ini, sama ada dalam bentuk barangan atau wang tunai.




Siti Rozana berkata, sumbangan ini bukan sahaja membantu rakan-rakan yang memerlukan, tetapi juga mengukuhkan semangat komuniti dan solidariti dalam kalangan pelajar.

Di samping itu, MPP STHEM juga telah menyediakan kod QR di kawasan-kawasan tertentu supaya membuka ruang kepada pelajar yang berkemampuan untuk menderma, malahan dengan mendengar pandangan mereka, dapat menambah baik program ini dan memastikan ia sentiasa relevan dan berkesan.

“MPP STHEM menyeru seluruh warga kampus untuk bersama-sama menjayakan inisiatif *Caring Community* STHEM ini agar dapat membentuk sebuah komuniti yang lebih prihatin dan bersatu padu.

“Semoga dengan adanya inisiatif ini, kita dapat melihat perubahan yang positif dan bermakna dalam kehidupan pelajar. Kami percaya, dengan sedikit usaha dan kerjasama, kita mampu mencipta impak yang besar dan berkekalan. Terima kasih atas sokongan anda semua,” katanya.




Please consider the environment before printing this e-mail

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.